



13 APR, 2021

Bawa racun perosak, tapi isytiharkan baja

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Bawa racun perosak, tapi isytiharkan baja

Kepala Batas: Mengisyiharkan konsainan sebagai baja, tetapi membawa masuk racun makhluk perosak tidak berdaftar bagi mengaburi pihak berkuasa negara ini.

Namun taktik itu terbongkar apabila Seksyen Pengangkuasaan, Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja Jabatan Pertanian memrampas 80 tong seberat 17,600 kilogram (kg) racun makhluk perosak dikenali *paraquat dichloride* bernilai RM171,212.

Rampasan dilakukan hasil maklumat Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang di Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di Butterworth pada 26 Mac lalu.

Ketua Pengarah Pertanian Datuk Mohd Nasir Warris berkata, pemeriksaan Maqis mendapati racun perosak itu diimport dari syarikat berpangkalan di Wilayah Anhui, China dengan mengisyiharkannya sebagai baja.

"Siasatan mendapatkan ra-

cun makhluk perosak yang dipercayai mengandungi perasis aktif *paraquat dichloride* itu diharamkan di negara ini mulai 1 Januari tahun lalu.

"Ini disebabkan penggunaannya berbahaya kerana boleh merosakkan mata, cirit-birit, pengsan dan boleh menyebabkan kematian selain tiada penawar," katanya pada sidang media di Kompleks Pertanian Bumbung Lima di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, Mat Lesak Ngathinee dan Pengarah Maqis Pulau Pinang Noriah Dahlam.

Mohd Nasir berkata, kesalahan itu disiasat mengikut Seksyen 13(1) Akta Racun Makhluk Perosak 1974, jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara lima tahun atau dindenda RM50,000.

Menurutnya, selain Malaysia, banyak negara lain mengambil langkah mengharlamkan penggunaan racun makhluk perosak berkenaan.



MOHD Nasir (kiri) dan Noriah menunjukkan antara 80 tong racun perosak tidak berdaftar yang dirampas.



13 APR, 2021

Bawa racun perosak, tapi isytiharkan baja

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kepala Batas: Mengisyti - harkan konsainan sebagai baja, tetapi membawa masuk racun makhluk perosak tidak berdaftar bagi mengaburi pihak berkuasa negara ini. Namun taktik itu terbongkar apabila Seksyen Pengawatkuasaan, Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja Jabatan Pertanian merampas 80 tong seberat 17,600 kilogram (kg) racun makhluk perosak dikenali paraquat dichloride ber nilai RM171 , 212 .